

DOSM GEOHUB PLATFORM PENYATUAN DATA LOKASI DENGAN ANALISIS STATISTIK NEGARA

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 05/12/2025 | Author: YASMIN AHMAD ZUKIMAN | Others

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini melancarkan portal data DOSM GEOHUB, inisiatif strategik yang memudahkan akses kepada maklumat geospasial yang diintegrasikan dengan statistik rasmi negara.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata DOSM GEOHUB bukan sekadar portal, tetapi platform pemetaan digital yang menggabungkan statistik dan data geospasial selaras saranan United Nations Global Statistical Geospasial Framework (GSGF) bagi menyediakan maklumat geospasial yang lebih meluas, tepat dan mudah diakses.

"DOSM GEOHUB menawarkan pelbagai fungsi yang menyokong akses, penggunaan, dan pemahaman statistik negara berasaskan geospasial.

"Ia turut menyokong agensi kerajaan, penyelidik, dan pembuat dasar bagi tujuan perancangan pembangunan bandar dan wilayah, penilaian impak sosial dan ekonomi, penyediaan intervensi pembangunan setempat, penyelarasan program bantuan, serta kemudahan awam," katanya pada majlis pelancaran hari ini.

Mohd Uzir berkata platform itu juga dapat menyokong pembuatan keputusan berasaskan analisis lokasi yang lebih granular, agar dasar dapat disasarkan dengan tepat.

Beliau menekankan bahawa DOSM GEOHUB dibangunkan secara dalaman (in-house) menggunakan kepakaran staf DOSM, bukan sekadar sebagai platform teknologi tetapi juga manifestasi komitmen jabatan dalam memperkasa rakyat dan negara melalui data.

"DOSM GEOHUB menjadi nadi integrasi antara statistik dan data geospasial untuk menjawab persoalan pembangunan masa kini, malah membuka jalan kepada masa depan yang lebih mampan, inklusif dan berasaskan bukti dalam pembuatan keputusan," katanya.

Sebagai hab data geospasial, DOSM GEOHUB menghimpunkan pelbagai jenis visualisasi spasial yang dibina daripada statistik sosial, ekonomi dan alam sekitar, membolehkan analisis keadaan semasa negara dilakukan secara menyeluruh dan responsif terhadap sebarang perubahan.

Portal ini membolehkan pengguna meneroka maklumat seperti populasi, jantina, kumpulan umur, data ekonomi, dan unjuran penduduk di peringkat Malaysia, negeri, dan daerah.

Platform ini juga membolehkan pengguna meneroka peta tematik interaktif dengan keupayaan analisis ruang serta mengakses lapisan data geospasial-statistik yang mematuhi piawaian

Open Geospatial Consortium (OGC).

Selain itu, fungsi Storymap mempersembahkan naratif pembangunan menggunakan peta, grafik, dan imej, serta pelbagai maklumat statistik lain, memudahkan pengguna memahami data yang disampaikan.

-- BERNAMA

TAG: DOSM, GEOHUB, statistik, digital

YAZ NSM RAM